

Enactus UMS ke Mexico

UM 22-7-13 25

Berjaya mempertahankan kejuaraan selama dua tahun berturut-turut pada Kejuaraan Enactus Malaysia National Exposition 2013

UNIVERSITI Malaysia Sabah (UMS) mempamerkan pencapaian cemerlang apabila berjaya mempertahankan kejuaraan dengan mengungguli Kejuaraan Enactus Malaysia National Exposition (EMNE 2013) peringkat kebangsaan yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra Kuala Lumpur baru-baru ini.

Pasukan Enactus Universiti Eko Kampus itu telah mengetepikan pasukan Enactus Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) di peringkat akhir sekali gus berjaya mempertahankan kejuaraan selama dua tahun berturut-turut.

Kejayaan itu juga turut memberi laluan untuk UMS sekali lagi mewakili Malaysia ke pertandingan Piala Dunia. Enactus yang bakal berlangsung di Cancun, Mexico pada 29 September hingga 1 Oktober depan.

Pengarah Projek Payao dan salah peserta, Celine Alexandra berkata, projek komuniti yang dibentangkan oleh pasukan Enactus UMS nyata menarik perhatian dan berjaya memikat hati para juri.

"Projek tersebut telah membuka kesedaran pelbagai pihak kerana membabitkan usaha membantu komuniti di Pulau Mabul dalam meningkatkan hasil tangkapan ikan untuk menambah penjana pendapatan," katanya.

Pengarah projek Unfold, **Aarston Friend Dickson** berkata, pasukan ini turut membentangkan projek Unfold yang bertujuan membantu golongan



PASUKAN Enactus UMS bergambar bersama piala kemenangan dan replika cek bernilai RM100,000.

Orang Kelainan Upaya (OKU) serta golongan miskin dan tidak berkemampuan.

"Kami melahirkan rasa kesyukuran kerana projek berkenaan telah diterima baik oleh para juri dan juga ahli Enactus Malaysia.

"Kami ingin berterima kasih kepada Enactus Malaysia kerana melalui penganjuran Pertandingan EMNE, kami mampu untuk berkongsi pengalaman dan juga perjalanan kami untuk membantu golongan kurang berupaya di Sabah," katanya.

Sementara itu, Pengarah Pusat Pembangunan Keusahawanan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEP), **Mat Salleh Ayub** berkata, beliau

merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Naib Canselor UMS, Prof. Datuk. Dr. Mohd Harun Abdullah dan Timbalan Naib Canselor HEP, Prof. Madya Datuk. Dr. Kasim Md Mansur atas sokongan yang diberikan kepada Pasukan Enactus UMS sehingga mencapai kejayaan yang membanggakan itu.

"Tidak dilupakan juga, rasa kesyukuran dan terima kasih juga ditujukan kepada Pengarah UMS Kampus Antarabangsa Labuan, Prof Madya Dr. Ismail Ali, Alumni dan semua pihak yang terlibat dalam membantu kejayaan pasukan Enactus UMS menjuarai pertandingan tahun ini," katanya.